

## Ringkasan Persidangan Umum April 2021 Sesi Sabtu

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)



Persidangan umum Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah acara setengah tahunan di mana para nabi, rasul dan pemimpin Gereja lain berkongsi pesan kasih dan harapan yang berpusat pada Kristus. Persidangan ke-191 pada 4-5 April 2021 bersifat digital dan disiarkan dari Temple Square di Salt Lake City. Halaman ini memberikan penekanan khutbah persidangan.

Untuk menonton sesi hari Sabtu sepenuhnya, sila klik [sini](#).

### Sesi Pagi Hari Sabtu

[Presiden Russell M. Nelson](#) dari Gereja memberikan ucapan pembukaan dengan menekankan arahan Tuhan terhadap Gereja — bahkan semasa pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

“Beberapa pelajaran yang saya tahu sebelumnya telah ditulis pada hati saya dalam cara yang baharu dan penuh pengajaran. Tuhan memimpin urusan-urusan Gereja-Nya; Dia telah mempercepatkan pekerjaan-Nya — bahkan semasa pandemik global,” katanya.

“Saudara dan saudari yang dikasihi, kekuatan Gereja berada dalam usaha dan kesaksian yang terus berkembang daripada ahli-ahlinya,” dia teruskan. “Kesaksian dipupuk dengan terbaik di rumah.”

[Elder Dieter F. Uchtdorf](#) ajarkan bahawa “Tuhan berada di kalangan kita” dan secara peribadi terlibat dalam kehidupan anak-anak-Nya dan aktif membimbing mereka. “Buka hati anda kepada Juruselamat dan Penebus kita, tidak kira keadaan, cabaran, penderitaan, atau kesilapan anda,” dia berkata. “Anda akan tahu Dia hidup, bahawa Dia mengasihi anda, dan kerana Dia, anda tidak akan kesepian..”

[Sister Joy D. Jones](#) menekankan bahawa perbualan yang sederhana namun penting mengenai injil dapat mendorong anak-anak mengetahui apa yang mereka percaya dan mengapa mereka mempercayainya. “Jangan membiarkan kemudahan alat elektronik menjauhkan kita dari mengajar dan mendengar anak-anak kita dan memandangi ke dalam mata mereka,” katanya.

[Brother Jan E. Newman](#) fokus pada pengajaran dengan cara Juruselamat. “Untuk benar-benar mengubah hidup, penukaran hati kepada Yesus Kristus harus melibatkan seluruh jiwa kita dan meresap ke setiap aspek kehidupan kita,” katanya.

[Elder Gary E. Stevenson](#) ajarkan bahwa kebaikan adalah asas penyembuhan injil yang penting. “Tuhan mengharapkan [Orang Suci Zaman Akhir] untuk mengajar bahwa pemasukan adalah cara positif menuju kesatuan, dan pengecualian membawa kepada perpecahan,” katanya.

Memetik jemputan Juruselamat kepada semua untuk menjadi seperti Dia, [Elder Gerrit W. Gong](#) meminta Orang Suci Zaman Akhir untuk membuat rumah tumpangan Kristus — Gereja Dia — tempat perlindungan bagi semua orang dari ribut kehidupan. “Setiap hari kita bersedia untuk Kedatangan Kedua yang dijanjikan dengan melakukannya untuk ‘salah seorang’ sepertimana kita lakukan untuk Dia. ‘Salah seorang’ ialah setiap kita.”

“[Presiden Henry B. Eyring](#) menggalakkan para ahli Gereja untuk meningkatkan hasrat mereka untuk menjadi layak dan bersedia untuk peningkatan peluang untuk pengalaman bait suci yang akan datang. “Bait suci adalah tempat kudus di mana wahyu datang dengan mudah jika hati kita terbuka dan kita layak menerimanya,” katanya.

## Sesi Petang Hari Sabtu

[Presiden M. Russell Ballard](#) berucap tentang ahli bujang Gereja “yang terdiri lebih daripada separuh orang dewasa di Gereja hari ini.”



“Ada yang tertanya-tanya tentang peluang dan tempat mereka dalam rancangan Tuhan dan di Gereja,” katanya. “Kita harus fahami bahawa kehidupan abadi bukan hanya tentang status perkahwinan sekarang tetapi tentang penganutan dan menjadi “berani dalam kesaksian tentang Yesus.”” (Ajaran dan Perjanjian 76:79). Pemimpin pancang dan bahagian harus memanggil ahli bujang “untuk melayani, mengangkat dan mengajar,” dia teruskan.

[Elder Jeffrey R. Holland](#) menyatakan bahawa hari ini, konflik, pertikaian dan ketidaksopanan umum melimpah.

Alat yang diperlukan untuk “mencipta zaman yang lebih cerah” dapat ditemui dalam injil Yesus Kristus, Elder Holland bersaksi. “Kita tidak mampu — dunia tidak mampu — kegagalan kita untuk

menggunakan konsep-konsep injil dan perjanjian yang mengukuhkan dengan sepenuhnya secara peribadi dan awam.”

[Elder Dale G. Renlund](#) berucap tentang “Ketidakadilan [dunia] yang menggeramkan” tetapi memberi kesaksian bahawa “dalam keabadian, Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus akan menyelesaikan semua ketidakadilan.”

Setiap perjalanan anak Tuhan, [Elder Neil L. Andersen](#) bersaksi, tidak bermula “pada nafas pertama” mereka di bumi, dan ia tidak akan berakhir ketika mereka menghembuskan nafas terakhir kefanaan. “Semoga kita mengalu-alukan [setiap anak roh Tuhan], melindungi mereka dan selalu mengasihi mereka,” katanya.

**Presiden Nelson** telah menjemput semua orang untuk “kekallah pada jalan perjanjian” dan mengikuti Juruselamat, katanya. Bagi mereka yang telah melangkah keluar, sila kembali. Terdapat tempat yang disediakan untuk semua orang di Gereja Tuhan.

“Di setiap bahagian dan cabang kita memerlukan semua orang – mereka yang kuat dan mereka yang bergelut. Semua penting dan diperlukan untuk pengukuhan seluruh tubuh Kristus” kata [Elder Jorge T. Becerra](#).

Ketika [Elder Thierry K. Mutombo](#) sedang membesar, dia tinggal bersama keluarganya di sebuah rumah yang “bukan sahaja kecil tetapi ia juga tempat yang gelap.” Setelah bertemu dengan para penginjil dan dibaptiskan, keluarganya menerapkan gaya hidup baharu yang berpusat pada injil Yesus Kristus dan “benar-benar menjadi sebuah keluarga.”

“Yesus Kristus ialah cahaya yang kita patut angkat bahkan semasa masa-masa yang gelap kehidupan fana kita. (3 Nefi 18:24). Apabila kita memilih untuk ikut Kristus, kita memilih untuk berubah,” katanya.

## Sesi Imamat Hari Sabtu



Dalam ucapan penutup sesi, **Presiden Nelson** berkongsi empat pelajaran utama untuk penonton di seluruh dunia:

1. Rumah adalah pusat iman dan penyembahan.
2. Kita saling memerlukan.
3. Kuorum imamat anda bertujuan lebih dari sekadar pertemuan.
4. Kita mendengar Yesus Kristus lebih baik ketika kita tenang.

“Masa depan adalah terang bagi orang yang mematuhi perjanjian Tuhan.” katanya. “Tuhan akan terus memanggil hamba-hamba-Nya yang memegang imamat dengan layak untuk memberkati, menghibur dan memperkuat umat manusia dan membantu mempersiapkan dunia dan umatnya untuk Kedatangan Kedua-Nya.”

[President Dallin H. Oaks](#) bersaksi bahawa Juruselamat yang bangkit telah melakukan semua yang diperlukan untuk perjalanan yang berjaya melalui kefanaan dan keselamatan abadi.

“Juruselamat kita dengan rela mengalami semua penderitaan dan kelemahan agar Dia tahu bagaimana untuk membantu atau menguatkan kita dalam penderitaan kita,” katanya. “Yesus Kristus melakukan semua ini kerana Dia mengasihi semua anak Tuhan.”

**President Eyring** ajarkan bahawa imamat diberikan kerana kasih — dan bahawa Tuhan memberkati pelayanan yang diberikan demi nama-Nya.

“Anda bangkit dan tingkatkan urusan imamat adalah penting bagi-Nya kerana Dia mengasihi anda dan percayakan anda untuk memberkati orang yang Dia kasihi demi nama-Nya,” katanya. [Elder Quentin L. Cook](#) membincangkan peranan menggembala yang dimainkan oleh para uskup dalam kehidupan orang-orang yang mereka melayani, terutama para remaja Gereja.

“[Uskup], anda dapat memberikan jempukan yang kuat untuk mengubah tingkah laku, mempersiapkan mereka untuk hidup dan mengilhami mereka untuk kekal berada di jalan perjanjian,” katanya.

[Elder S. Gifford Nielsen](#) menggalakkan pendengar untuk melihat diri mereka seperti yang Bapa Syurgawi lihat mereka.

“Pernahkah anda fikirkan tentang mengasihi diri sendiri sebagai satu perintah?” tanya dia. “Bolehkah kita benar-benar mengasihi Tuhan dan mengasihi anak-anak-Nya jika kita tidak mengasihi diri kita?”

[Brother Ahmad S. Corbitt](#) bertanya kepada para remaja putera Gereja bagaimana mereka dapat “membangunkan iman besar anda kepada Kristus” dan menggunakannya untuk mengumpulkan Israel.

“Dia terutamanya menggunakan Kitab Mormon dan para nabi-Nya untuk mengajar kita caranya,” katanya.

Untuk menonton sesi hari Sabtu sepenuhnya, sila klik [sini](#).